

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan

i. sama ada apakah pernah berlaku situasi di mana Loji Rawatan Air di sekitar Kuantan terpaksa ditutup pada bulan Januari 2016 dan juga sepanjang tempoh perlombongan bauksit dari tahun 2014; dan

ii. sekiranya ada, pohon penjelasan di atas sebab ianya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua,

Skop pemantauan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah melibatkan pemantauan kualiti air minum bermula daripada muka sauk (Intake) loji rawatan air sehingga ke kawasan agihan loji yang berkenaan. Sebarang ketidakpatuhan terhadap kualiti air minum akan dimaklum kepada pihak pembekal air untuk tindakan pemulihan.

Keputusan berkaitan penutupan loji rawatan air adalah dibuat oleh pihak pembekal air sendiri dan maklumat tersebut perlu diperolehi secara terus daripada pihak pembekal air yang berkenaan

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pihak Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang bertanggungjawab kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA), tiada sebarang penutupan loji rawatan air di sekitar Kuantan pada bulan Januari tahun 2016. Walau bagaimanapun, Loji Rawatan Air Bukit Goh ditutup pada 21/7/2015 hingga 14/8/2015 kerana paras air Sungai Riau telah surut. Paras air bagi tempoh berkenaan berada di bawah tahap paling rendah untuk pam beroperasi.